

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

TAHUN 15 BILANGAN 41 RABU 14 OKTOBER 1970 1390 رابو 13 شعبان PERCHUMA



BRUNEI AKAN TERUS MENUNTUT LIMBANG

BANDAR SERI BEGAWAN

KERAJAAN Brunei berazam akan terus menuntut Limbang.

Yang Amat Mulia Pengiran Penggawa Laila Bentara Istiadat Di-Raja Dalam Istana, Pengiran Haji Mokhtar Puteh bin Pengiran Haji Rajid dalam satu ulasan-nya terhadap berita2 akhbar yang tersiar berikutan dengan tuntutan Brunei ka-atas Limbang itu telah menegaskan:

"Tuntutan Brunei ka-atas Limbang ada-lah maseh berjalan dan dengan izin Tohan akan terus berjalan pada menuntut-nya oleh Kerajaan Brunei".

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan yang pada mula-

nya menyabdakan sa-chara terbuka tuntutan Brunei ka-atas Limbang itu telah menjelaskan kedudukan tuntutan Brunei itu yang telah di-buat sa-baik2 saja Brunei memutuskan tidak mema-soki Malaysia.

Tuntutan ka-atas Limbang yang di-hadapkan kepada Kerajaan Pusat Malaysia atau Malaysia dalam tahun 1963 itu berasaskan ugama, menurut hukum2 ugama.

Surat tuntutan itu telah di-jawab oleh Perdana Menteri Kerajaan Pusat Malaysia atau Malaysia dengan ayat:

"Walaumacham manapun Perdana Menteri Kerajaan Pusat Malaysia atau Malaysia akan menyembahkan kepada Yang Di-Pertuan Agong Malaysia".

Pada waktu itu Tengku Abd. Rahman menjadi Perdana Menteri Malaysia dan susulan bagi tuntutan Brunei itu adalah di-hantar melalui saluran yang sehat.

"Tetapi sa-hingga masa ini belum mendapat jawapan", demikian menurut Yang Amat Mulia Pengiran Penggawa Laila Bentara Istiadat Di-Raja Dalam Istana.

Mengulas tentang pendapat2 yang di-siarkan oleh akhbar2. Yang Amat Mulia Pengiran Penggawa Laila Bentara Istiadat Di-Raja Dalam Istana telah tertarik kepada kenyataan yang menda'awa bahawa tuntutan Brunei itu sudah terlewat masa-nya.

"Saya suka menerangkan kepada orang yang berpendapat sedemikian bahawa sesuatu tuntutan untuk mendapatkan hak sa-saorang yang telah di-ambil oleh orang yang bukan berhak itu, dari segi Ugama Islam, tidak ada batasan masa-nya yang tertentu yang di-tetapkan untuk menghadapi tuntutan-nya".

(Lihat Muka 8)

(Lihat Muka 8)

PANDANGAN MENGENAI DENGAN KEMERDEKAAN

Yang Amat Mulia Pengiran Penggawa Laila Bentara Istiadat Di-Raja Dalam Istana, Pengiran Haji Mokhtar Puteh bin Pengiran Haji Rajid telah memberikan pandangan - nya mengenai dengan kemerdekaan.

Pandangan Yang Amat Mulia itu ada-lah sa-bagai sokongan terhadap kenyataan dari Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan yang terbit pada 21hb. September, 1970 yang lalu.

Pandangan dari Yang Amat Mulia Pengiran Penggawa Laila Bentara Istiadat Di-Raja Dalam Istana sapenoh-nya ada-lah saperti berikut:

"Sabda Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan yang telah di-keluarkan pada 21hb. September, 1970 mengenai soal kemerdekaan ada-lah manasabah, kerana dengan ada-nya sa-lepas peperangan dunia ke-II kebanyakan negeri2 atau pemimpin2 negeri menumpukan mata-nya ka-arah matalamat ashik menuntut kemerdekaan negeri2 mereka masing2, tetapi kemerdekaan atau menuntut merdeka itu dari segi ugama nampak-nya hanya-lah

merdeka sa-bagai sebutan nama saja. Dengan sebab itu-lah mereka yang semata2 pada mengagong2kan ayat merdeka masa ini telah nyata sa-bilangan atau lebih dari sa-bilangan negeri2 yang merdeka itu walaupun tidak berperang antara sa-buah negeri dengan sa-buah negeri, sa-banyak sedikit negeri2 yang merdeka itu banyak mengalami kachau bilau, pergadahan sesama-nya dalam negeri atau sekurang2-nya berhutang. Penganggapan atau pada menumpukan hanya semata2 ka-arah mata'amat merdeka boleh jadi mempengaruhi banyak negeri2 yang baik dan raayat dan penduduk serta isi di-dalam-nya yang baik terburu2 pada menghalalkan menuntut kemerdekaan atau menuntut merdeka sebutan nama dengan tidak memandang jauh ka-hadapan dan tidak sedar dan insaf apa yang telah terjadi masa ini.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan berdo'a kepada Allah Subhanahu Wata'ala supaya Tuhan akan menchorahkan rahmat-Nya di-bumi Negeri Brunei Darussalam dan dengan izin Tohan Rabbul-Alamin, raayat dan penduduk laila isi di-dalam Negeri Brunei yang benar2 chintakan keselamatan aman sejahtera berdo'a ka-hadharat Tuhan Allah Subhanahu Wata'ala mudah2an

DULI Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei telah berchemarduli ka-Lagoon Mesjid Omar Ali Saifuddin, Bandar Seri Begawan pada hari Sabtu, 10 Oktober untuk menyampaikan hadiah2 kepada pemenang2 pertandingan membacha Al-Quran peringkat negeri.

Sa-belum menyampaikan hadiah2 Duli Yang Maha Mulia telah melafadzkan titah. (Titah Baginda sa-penoh-nya di-siarkan di-muka 2).


Keberangkatan Baginda kamajlis itu telah di-alu2kan oleh Pengetua Hal Ehwal Ugama, Yang Amat Mulia Pengiran Indera Mahkota Pengiran Muda Kemaluddin Al-Haj yang juga menjadi Pengerusi Tertinggi Jawatankuasa Pertandingan Membacha Al-Quran Peringkat Negeri.

Turut hadir di-majlis penyampaian hadiah2 itu termasuklah Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Muda Mohammad Bolkiyah, Menteri Besar Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara Pengiran Haji Mohammad Yusuf, Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli2 Wazir, Yang Amat Mulia Cheteria2, Pengiran2 dan Pehin2.

Gambar atas menunjukkan Duli Yang Maha Mulia sedang menyampaikan piala kepada johan qari 1970, Awang Abu Bakar bin Haji Paun. Gambar BP/JHEU.

(Berita dan gambar2 di-sekitar pertandingan membacha Al-Quran itu di-siarkan di-muka tengah).

TITAH D.Y.M.M. PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN DI-MAJLIS PENYAMPAIAN HADIAH2 KAPADA PEMENANG2 DAN PESERTA2 PERADUAN MEMBACHA AL-QURAN PERENGKAT SELUROH NEGERI PADA 10HB. OKTOBER, 1970



SALAMUALAIKUM — wa-rhamatulah-hewabarkatuh,

Beta bershukor ka-hadhrat Allah Subahanahu-wataala kerana dengan limpah kurnia-Nya dapat-lah Beta hadir dan bersama Awang2 dan Dayang2 sekalian di-majlis berkat lagi berkebajikan pada malam ini. Serta selawat dan salam kepada Nabi junjongan Saidina Mohammad s.a.w. beserta sahabat2 yang takwa laila amanah yang kerap kali menjulong pendapat yang benar2 ka-arrah kebajikan dan pengikut2 baginda yang menumpukan keperchayaan mereka kepada firman Tuhan Allah Subahanahu-wataala dan nasihat2 Nabi. Sa-bagai hadith Saidina Mohammad s.a.w. Beta ucapkan alhamdulillah di-atas mendahulukan tersusun atau terator-nya chara atau dari segi chara mengenai peraduan membacha kitab suci Al-Quran perangkat negeri kali yang ke-10. Maka beta memberi atau menguchap terima kasih kepada jawatankuasa menyumbangkan bantuan atau pertolongan kepada Pengetua Hal Ehwal Ugama sa-bagai ibadah, mudah2an beta tidak akan lupa akan bantuan dari jawatankuasa yang jujur itu.

Sa-bagai pepatah yang selalu di-bibirankan ayahanda beta.

*Niat baik laila hasrat,
Laila ikhlas titik di-hati,
Laila jujur semangat hati,
Terlaksana kebajikan laila ber-bakti,
Laila bayangan kata di-pasti,
Laila sumbangan madah di-kaji.
Penyubor otak laila fikiran
Madah kata2 di-keluarkan
di-lafadzkan,
Ada-lah tidak berbedza dengan ukiran (tulisan),
Ini khas-nya semata2 berasaskan, laila tetap-nya huraian
Penjelasan, kenyataan yang sah bersandikan laila kebenaran,*

Kebajikan jadikan renongan hidup,

Biasakan ingatakan mengenang jasa,

Biasakan kenangan ingatan budi,

Amal yang salih kekal abadi.

Sa-bagai mana yang Awang2 dan Dayang2 maklum bahawa beta telah beberapa kali menitahkan hasrat dan chita2 beta supaya Islam di-jadikan satu chara hidup yang lengkap dan mengusulkan-nya dengan sempurna serta menurut laila langkah pada melaksanakan kebahagiaan dan sa-baik pegangan ada-lah pertengahan laila sejahtera untuk menjalankan laila keislaman Negeri Brunei Darus Salam yang di-kasehi ini.

Ugama Islam bukan-lah sa-bagai ugama rasmi baru di-dalam Negeri Brunei. Ugama Islam ada-lah di-rasmikan atau sa-bagai ugama rasmi Negeri Brunei dari semanjak Awang Alak Betatar menganut ugama Islam bergelar Sultan Mohammad. Ugama Islam juga di-kechualikan dalam perjanjian dan perlembagaan. Ugama Islam terus di-bawah Sultan untuk mengusahakan atau memperkenakan apa juga perkara yang benar bagi mengelok kesejahteraan terkechuali perkara harian atau perkara bukan setakat kewajipan yang di-chatet dalam peratoran boleh di-selenggarakan oleh Ketua Hal Ehwal Ugama. Masa ini Jabatan Ugama tidak-lah begitu sukar kerana kita telah mempunyai alim ulama, Pehin Datu Seri Mahraja yang laila berpengetahuan dan pengalaman dan Pehin Orang Kaya Ratna Diraja yang berkelulusan dan mendapat sijil.

Awang2 dan Dayang2,

Penganut2 Islam atau umat2 Islam pada pendapat beta apabila atau manakala umur mereka sudah balikh di-suroh atau wajib-lah atas-nya menuntut dan mempelajari ugama-nya sendiri yang benar. Beta

amat sukachita apabila difahamkan bahawa ada di-antara pembesar2 beta telah melawat di-kampung2 pendalaman dan ada juga bersembahyang Juma'at di-mesjid2 sama ada di-dalam atau di-luar bandar di-negeri ini. Hal ini ada-lah merupakan suatu contoh dan tauladan yang boleh memberikan kesan pada menarek perasaan hati yang baik kepada raayat dan penduduk2 negeri ini, kerana dengan ada-nya contoh dan tauladan betapa pegawai2 yang tinggi menitek beratkan suka untuk mengetahui keadaan penduduk2 di-situ itu tentu sahaja akan menghenderongkan raayat terutama dari kalangan panchir keturunan yang akan datang yakni pada pendak kata hanya bersembahyang di-mesjid2 kampung di-tiap2 daerah ada-lah suatu mengalakan dengan harapan akan atau orang di-kampung rajin bersembahyang di-Juma'at2 tersebut.

Beta ada-lah merasakan perlu supaya pelaksanaan bagi mencapai hasrat dan chita beta tidak akan di-abai2kan oleh penganut2 Islam seluroh yang laila di-Negeri kita Brunei. Ugama Islam melarang sumpong atau bongkak, perkerti yang sedemikian jika dengan niat akan mengakibatkan betapa buruk dan rendah-nya mutu ugama yang benar2. Riak hasrat dengki takbor atau bukan pada tempat - nya, ugama Islam ada - lah sentiasa menggesa umat manusia supaya memelihara keamanan dan ketenteraman serta mempereratkan perasaan laila muhibbah dan laila bersafahaman di-kalangan sesama manusia. Islam adalah juga menggesa supaya setiap orang hendak-lah menjalani hidup ini dengan kejujuran serta tulus ikhlas dalam ketindakan kunyal kebajikan kerana itu prinsip2 Islam atau patut-lah di-amalkan oleh sa-tiap orang yang chintakan keamanan, ketenteraman dan kemakmoran negara, sebab de-

D.Y.M.M. ketika melafadzkan titah sa-belum menyampaikan hadiah2.

ngan ayat ketindakan kunyal kebajikan bermakna gigit-lah ilmu kebajikan dengan rahang dan rasai-lah nikmat kebajikan boyongkan pipi dengan madah bahagia.

Beta berasa sukachita kerana peraduan membacha Al-Quran pada kali ini di-adakan bersempena dengan penukaran naman Bandar Brunei menjadi Bandar Seri Begawan. Melihat kepada sambutan2 raayat dan penduduk negeri ini yang begitu meriah dapat-lah beta kata betapa gembira-nya raayat dan penduduk Negeri Brunei Darus Salam yang sama sama kita chintai ini. Mudah2an apa yang di-nekmati sekarang ini akan terus berkekalkan sa-hingga di-masa2 yang akan datang. Beta dengan berterus terang dengan ayat meriah dan keramaian bukan hanya penukaran nama town bahkan mengambil sukut atau sa-baik2 peraduan membacha Quran, Alhamdulillah jika sa-ramai orang mendalami mata pelajaran utama ugama dan laila mata pelajaran menganut ugama Islam yakni orang2 rumaja dan dewasa.

Ada-lah di-harapkan supaya peraduan membacha Al-Quran ini akan melahirkan qari2 dan qariah2 yang laila berkebolehan mengharumkan nama Brunei di-lapangan bachean Al-Quran, menggalakan bagi mempelajari ugama yang benar2. Kesuchian ugama Islam bukan hanya bagi sebutan mulut akan tetapi pelajari dan tuntut bersungguh2.

Akhir-nya sekali lagi beta menguchapkan terima kasih dan mudah2an dan kita sentiasa mendapat taufik dan hidayah daripada Allah Subahanahu-wataala. Amin. Wasalamualaikum warahmatullah.

BEBERAPA HUKUM MENGENAI DENGAN PUASA

100 orang murid di-pilih ka-Sekolah2 Arab

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sa-ramai 100 daripada 555 orang murid dari sekolah2 ugama di-negeri ini telah di-pilih untuk masuk belajar di-Sekolah Menengah Arab Has-sanal Bolkia dan Raja Isteri Anak Damit, tahun hadapan.

Mereka di-pilih semasa pe-periksaan masuk ka-sekolah2 tersebut yang telah di-adakan di - Bandar Seri Begawan, Kuala Belait, Tutong dan Temburong dalam bulan Ogos lalu.

Sa-ramai enam puluh lima orang murid, termasuk 45 perempuan akan belajar dalam kelas peralehan satu dan tiga puluh lima, termasuk 29 orang murid perempuan, akan belajar dalam kelas peralehan dua.

Murid2 yang terpilih itu 35 orang dari Daerah Brunei-Muara; 31 dari Tutong; 26 Temburong dan 8 dari daerah Belait.

Murid2 yang terpilih untuk memasok Kelas Peralehan Satu ada-lah seperti berikut:—

Ak. Said bin Pg. Ismail, S.U. Danau; Ak. Noruddin bin Pg. Hj. Mahmud, S.U. Lambak; Ak. Ali Hashim bin Pg. Yusof, S.U. Lela Menchanai; Abd. Karim bin Abu Bakar, S.U. Lela Menchanai, Md. Nizar bin Hj. Hassan, S.U. Sg. Liang; Idris bin Umar, S.U. Keri-riam; Yahya bin Apong, S.U. La-yong; Ahmad bin Masron, S.U. Pekan Belait, Rahmat bin Ja'afar, S.U. OKSB, Kilanas; Md. Ali bin Timbang, S.U.S. Hassan, Bangar; Abd. Malik bin Mohammad, S.U. Kiulap.

Abd. Rahman bin Ahmad, S.U. Pekan Belait, Matudin bin Matasan, S.U. Sengkurong; Mulok bin Jumat, S.U. Jerudong; Yunos bin Ismail, S.U. Pekan Belait; Junaidi bin Abd. Rahman, S.U. Pekan Belait; Adnan bin Ahad, S.U. Mentiri Ya'kob bin Nasir, S.U. Sg. Han-ching; Awang bin Abd. Rahman, S.U. Sengkurong; Rosli bin Ampal, S.U. Kati Mahar; Rashidah bte Md. Manifah, S.U. Birau.

Mariah bte O.K.S. Hj. Abd. Rahim, S.U.S. Hassan, Bangar; Rusiah bte Imam Wahab, S.U. Danau; Salmah bte Ja'afar, S.U. Birau; Rusita bte Yahya, S.U. OKSB, Kilanas; Jaidah bte Koya, S.U. Danau; Mariah bte Mulok, S.U. Delima I; Saidah bte Dato Hj. Tamit, S.U. OKSB, Kilanas; Rasiyah bte Shahminan, S.U. Seng-karai; Hj. Hindun bte Hj. Nordin, S.U. B. Sakam, Bunut.

Aisah bte Hashim, S.U. Bakiau; Salmah bte Abd. Rani, S.U. Birau; Dk. Normah bte Pg. Tuah, S.U. Birau; Dk. Normah bte Pg. Tuah, S.U. Delima I; Rokiah bte Ibrahim, S.U. Pulau Baru2; Morniah bte Sopian, S.U. Penapar; Norliha bte Md. Nor, S.U. Tg. Maya; Zaliha bte Ibrahim, S.U. Pekan Belait; Suboh bte Abd. Rahman, S.U. Pantai Jiam; Surliah bte Tengah, S.U. Lurong Dalam; Ajjiah bte Emran, S.U. OKSB, Kilanas; Dk. Fatimah bte Pg. Ma-wang, S.U. Sengkurong; Norma-diah bte Abas, S.U. Belais.

Sa'ediah bte Shawal, S.U.B. Sa-kam, Bunut; Dk. Fatimah bte Pg. Md. Nor, S.U. Sg. Kebun; Kaisah bte Nayan, S.U. Sengkurong; Siti Rahmah bte Hj. Othman, S.U. Lurong Dalam; Safiah bte Umar, S.U. Dato' Gandi; Dk. Armah bte Pg. Apong, S.U. PMM, K. Tutong; Sarbanun bte Ja'afar, S.U. Lurong Dalam; Jamilah bte Husain, S.U. Pekan Belait; Salha bte Hi. Yahya, S.U. OKSB, Kilanas; Afsah bte Othman, S.U. Kiudang; Aminah bte OKML, Hj. Yusof, S.U. Batu Apoi; Lagunah bte Suhaili, S.U. Mentiri; Alismah bte Abd. Rashid, S.U. OKSB, Kilanas; Dk. Salmiah bte Pg. Shahbuddin, S.U. Batu Marang.

Rosni bte Md. Tamin, S.U. B. Sakam, Bunut; Siti Mastura bte Ahmad, S.U. B. Sakam, Bunut, Dk. Hamidah bte Pg. Kamaluddin, S.U. Batu Marang; Mariani bte Mat Yasin, S.U. Pulau Baru2; Li-sah bte Othman, S.U. Bukit Be-ruang; Zubaidah bte Salat, S.U. Sinaut; Masrah bte Md. Daud, S.U. Sengkarai; Mariam bte Hj. Salleh, S.U. Dato' Gandi dan Afsah bte Munaf, S.U. Sg. Kebun.

Murid2 yang terpilih untuk memasok Kelas Peralehan II ada-lah seperti berikut:—

Md. Yunos bin Bolhasan, S.U. Puni; Md. Sahib bin Abas, S.U. Belais; Ramlah bin Md. Daud, S.U. S. Hassan, Bangar; Md. Taim bin Ahad, S.U. Labu Estate;

Hamdan bin Mohammad, S.U. Belais; Abu Bakar bin Ongsang, S.U. Senukoh; Narulhuda bte Hj. Ismail; S.U. Batu 1½ J. Tutong; Salmah bte Kalong, S.U. Tanah Jambu; Saniah bte Bakar; S.U. Sengkurong; Hasnah bte Haji Apong, S.U. Lambak; Mastura bte Md. Jais, S.U. Kiarong; Aisah bte Sulaiman, S.U. Puni; Lauiyah bte Matusin, S.U. Dato' Gandi; Rose bte Ya'kub, S.U. OKSB, Kilanas; Hinah bte Saban, S.U. OKSB, Kilanas; Sinyor bte Besar, S.U. Belais.

Zaiton bte Idris, S.U. Puni; Zai-nab bte Abu Bakar, S.U. Puni; Hasnah bte Hj. Tamin, S.U. Seng-kurong; Halifah bte Gharif, S.U. OKSB, Kilanas; Mahani bte Budin, S.U. Puni; Hamidah bte Abd. Rah-man, S.U. Puni; Migawati bte Azhari, S.U. OKSB, Kilanas; Nor-kiah bte Md. Yusof, S.U. Puni; Halimah bte Saman, S.U. Kg. Menengah; Maimunah bte Abd. Rahim, S.U. Kiulap.

Siti Norhani bte Amai, S.U. Sengkurong; Fatimah bte Talip, S.U. Telisai; Aminah bte Matasim, S.U. Senukoh; Sariyah bte Matasan, S.U. Labu Estate; Noriah bte Hj. Abd. Wahab, S.U. Sengkurong; Rokiah bte Saidin, S.U. Beng-kurong; Apah bte Sabtu, S.U. Sengkurong; Kertini bte Idris, S.U. Pekan Belait dan Saindah bte Aman, S.U. Kg. Menengah.

lah orang itu suchi daripada hid dan nifas, maka perempuan yang berhid atau yang bernifas tidak-lah sah puasa-nya, dan yang ke-empat — telah masuk bulan Ramadhan.

Ada pun shariat2 wajib puasa itu tiga perkara:

Pertama — Islam, kedua — mukallaf (akil balikh) erti-nya, puasa itu tidak-lah wajib bagi kanak2 yang belum berakal dan belum balikh, begitu juga tidak-lah wajib bagi orang gila, mabok, pitam dan sa-um-pama-nya. Ketiga — kuasa mengerjakan-nya.

Ada pun pengertian berkuasa menger-jakan puasa itu ia-lah puasa itu tidak wa-jib ka-atas orang yang keberatan sangat mengerjakan-nya, seperti orang yang terlalu tua dan uzur atau orang sakit yang tidak ada harapan sembuh. Orang2 seperti ini hanya di-wajibkan membayar pudiah sa-haja sa-bagai ganti puasa ia-itu bersedekah satu chupak beras pada sa-tiap hari puasa di-beri kepada fakir miskin.

Ada pun orang yang sakit yang tidak berat dan ada harapan sembuh, maka orang

yang sedemikian di-bolehkan meninggalkan puasa semasa sakit, tetapi mereka hendak-lah mengadha puasa yang telah di-tinggalkan-nya itu apabila telah sembuh.

Ada pun perempuan2 yang dalam keadaan hid atau nifas semasa bulan puasa, mereka itu di-wajibkan mengadha pua-sa tersebut apabila telah su-chi.

Adapun rukun puasa itu ia-lah pertama — berniat di-wak-tu malam (maka tiada-lah sah puasa dengan niat sa-lepas terbit fajar); kedua — menah-an diri dari melakukan sa-barang perkara atau perbuatan yang membatalkan puasa. Ke-tiga — waktu puasa (waktu wajib-nya ia-lah sa-bulan pua-sa dan waktu menahan diri dari melakukan yang mem-batalkan puasa sa-panjang siang hari di-dalam bulan pua-sa bukan pada malam-nya).

Demikian-lah sa-chara reng-kas beberapa hukum mengenai dengan puasa dalam bulan Ramadhan, maka mari-lah kita bersedia untuk menunaikan puasa dalam bulan Ramadhan ini, semoga Allah akan mene-rima amalan kita. Amin ya-rabul alamin.

Waktu2 Sembahyang, Imsak dan Matahari Terbit

Waktu2 sembahyang, imsak dari matahari terbit bagi Daerah2 Brunei/Muara, Tutong dan Temburong mulai hari Rabu 14 Okt. 1970 hingga ka-hari Selasa 20 Okt. 1970 ada-lah seperti di-bawah ini:—

<i>Hari</i>	<i>Matahari</i>						
<i>Bulan</i>	<i>Dzohor</i>	<i>Asar</i>	<i>Magrib</i>	<i>Isha</i>	<i>Imsak</i>	<i>Suboh</i>	<i>Terbit</i>
14 Okt.	12-13	3-30	6-12	7-28	4-34	4-49	6-06
15 Okt.	12-13	3-30	6-12	7-28	4-34	4-49	6-06
16 Okt.	12-12	3-30	6-11	7-26	4-33	4-48	6-05
17 Okt.	12-12	3-30	6-11	7-26	4-33	4-48	6-05
18 Okt.	12-12	3-30	6-11	7-26	4-33	4-48	6-05
19 Okt.	12-12	3-30	6-11	7-26	4-33	4-44	6-05
20 Okt.	12-12	3-30	6-11	7-26	4-33	4-48	6-05

Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluruh Negeri Brunei di-mulai pada pukul 12-45 tengah hari.

14hb. Oktober, 1970.
IDENTITI NEGARA

SOAL identiti negara bagitu kerap di-suarakan sejak akhir2 ini sa-hingga terchetus berbagai2 keraguan bahawa dari sudut apakah yang mau di-tunjukkan yang di-anggap dapat mewakili identiti negara itu.

Sa-jauh ini maseh dapat di-anggap belum timbul gulongan2 atau orang2 persaorangan yang menyatakan pendapat-nya sa-chara tegas tentang sudut yang akan di-jadikan tuema identiti negara itu. Kita perchaya bahwa satengah2 orang2 kita maseh di-landa oleh keraguan2 tentang sudut2 yang mau di-timbulkan yang sabenar2-nya dapat melambangkan keBruneian atau yang di-sebut identiti negara Brunei. Tetapi dari gulongan intilek2 di-negara kita ini, maka soal sudut2 yang hendak di-jadikan tulang belakang identiti negara itu tidak bagitu payah untuk mengetahu-nya, kerana dari dalam perlembagaan negara sudah sedia tersebut tentang kesultanan, ugama rasmi dan bahasa rasmi. Kemuliaan dan penghormatan serta ketaatan kita men-junjung ketiga2 aspek itu, walaupun di-mana kita berada, khususnya di-luar dari tanah ayer, maka kita sudah dapat memperkenalkan identiti negara kita. Tetapi bagi kebanyakan orang2 kita atau rayat dan penduduk negeri ini maseh ada yang belum tau sa-chara sadar akan sudut2 yang harus di-hormati mereka bagi mempertahankan dan memuliakan identiti negara itu.

Mungkin kerana memandang kesemaran pegangan rayat dan penduduk negeri ini terhadap sudut2 yang harus di-perkukoh bagi menyemarakkan identiti negara itu, maka Y.B. Pehin Orang Kaya Ratna Di-Raja Kadhri Besar Brunei telah menimbulkan empat perkara yang menurut pendapat beliau sabagai yang terkandung dalam prinsip2 identiti negara kita Brunei. Ke-empat2 perkara itu ia-lah kesultanan, keugamaan, kesatuan Bahasa dan kebudayaan.

Tiga dari ke-empat2 perkara yang di-utarakan beliau itu adalah terkandung dalam perlembagaan 1959 ia-itu kesultanan, keugamaan dan kesatuan bahasa, sementara kebudayaan menurut kaca-mata beliau ada-lah satu aspek yang penting di-pelihara dan di-perelok, kerana ia-nya ada-lah juga sudut yang melambangkan keperibadian bangsa.

Pendapat yang di-utarakan beliau itu dengan chara ketegasan demikian ada-lah satu usaha yang samemang-nya di-alu2kan terutama untuk meyakinkan rayat dan penduduk negeri ini tentang sudut2 yang di-jadikan tema identiti negara itu.

Menurut beliau bahawa untuk mendukung ke-empat2 perkara itu yang di-jadikan sabagai tema identiti negara kita, maka kita hendak-lah menunjukkan ketaatan yang sabenar2-nya terhadap Sultan yang kita kasehi; menghormati dan menjaga kesucian agama rasmi negara; mendaulatkan bahasa rasmi negara; mempertinggi nilai2 kebudayaan kita.

Semoga akan timbul lagi fikiran2 yang bernas atas soal tema identiti negara ini.




Duli Yang Maha Mulia sedang menyampaikan perisai kapaga Awang Abu Bakar bin Haji Puan yang telah di-pilih sa-bagai qari yang terbaik bagi tahun 1970.

Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Muda Mohammad Bolkiah melafadzkan sabda sa-belum merasmikan peraduan tersebut.



D.Y.M.M., Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli2 Wazir, Yang Amat Mulia Cheteria2 sedang mengaminkan do'a yang telah di-bachakan oleh Pehin Datu Seri Mahraja Dato Utama Awang Haji Ismail bin Umar Abd. Aziz sa-telah selesai penyampaian hadiah2.

Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama, Y.A.M. Pengiran Indera Mahkota Pengiran Muda Kemaluddin Al-Haj, selaku Pengerusi Jawatankuasa Tertinggi Peraduan sedang melafadzkan sabda alu2an.



Daerah Brunei-Muara telah munchul sa-bagai Daerah yang terbaik bagi tahun ini. Gambar atas menunjikkan Duli Yang Maha Mulia sedang menyampaikan piala kapada Timbalan Pengerusi Peraduan Membacha Al-Quran Perengkat Daerah Brunei-Muara, Awang Haji Ishak bin Adam.

**PERTANDINGAN MEMBACHA AL-QURAN
PERENGKAT SA-NEGERI**



Awang Abu Bakar bin Haji Paun, peserta dari Daerah Belait yang telah menyandang johan qari sedang memperdengarkan suara-nya.

AWANG Abu Bakar bin Haji Paun, peserta dari Daerah Belait telah berjaya menjadi johan dalam pertandingan membacha kitab suci Al-Quran perengkat seluruh negeri yang telah diadakan pada minggu lalu. Sementara Dayang Raisah binte Jumahat, peserta dari Daerah Brunei dan Muara telah mendapat tempat pertama dalam bahagian perempuan.

Naib johan qari ia-lah Awang Mukim bin Haji Hassan dan tempat ketiga di-menangi oleh Awang Haji Wahid bin Haji Awang Besar, kedua2-nya peserta dari Daerah Brunei-Muara. Dayang Norsiah binte Ahmad, peserta dari Daerah Brunei-Muara mendapat tempat kedua dalam bahagian perempuan dan pemenang ketiga ia-lah Dayang Aminah binte Mohammad, peserta dari Daerah Belait.

Awang Abu Bakar dan Dayang Raisah juga telah di-pilih sa-bagai qari dan qariah yang terbaik, sementara Daerah Brunei-Muara telah memenangi piala bagi daerah yang terbaik.

Johan dan naib-johan qari serta johan qariah akan di-pilih untuk mewakili negeri ini ka-pertandingan membacha Al-Quran perengkat antara bangsa yang akan di-adakan di-ibu negeri Malaysia, Kuala Lumpur dalam bulan puasa yang akan datang.



Y.T.M. Seri Paduka Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Muda Mohammad Bolkiah (di-tengah2), Menteri Besar, Y.T.M. Seri Paduka Duli2 Wazir, dan Yang Amat Mulia Cheteria2 ketika hadir di-majlis pembukaan rasmi peraduan itu pada 8 Oktober.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Ratna Di-Raja Dato Utama Awang Haji Mohd. Zain bin Haji Seruddin ketika menyampaikan sharahan khas pada malam kedua.



Awang Mukim bin Haji Hassan, peserta dari Daerah Brunei-Muara yang menyandang naib-johan. Beliau juga pernah menyandang naib-johan dalam peraduan yang sama dalam tahun 1964.

Di-samping menerima beberapa hadiah, johan qari dan qariah akan di-hadiah tambang perchuma oleh kerajaan untuk menunaikan fardhu haji ka-Mekah.

Peraduan yang di-adakan selama tiga malam berturut2 itu telah disulami dengan persembahan2 nashid dan sharahan2 khas yang telah di-sampaikan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Ratna Di-Raja Dato Utama Awang Haji Mohamad Zain.

Peraduan yang berlangsung di-Logoon Mesjid Omar Ali Saifuddin, Bandar Seri Begawan itu telah di-rasmikan oleh Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Muda Mohammad Bolkiah pada 8 Oktober lepas.

Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei telah berchemarduli ka-Lagoon itu pada 10 Oktober untuk menyampaikan hadiah2 kapada pemenang2 pertandingan tersebut.

(Gambar2 di-sekitar peraduan membacha Al-Quran yang di-siar-kan di-halaman ini ada-lah iksan dari Badan Penerangan Ugama Islam, Jabatan Hal Ehwal Ugama Brunei).



Dayang Raisah binte Jumahat, peserta Daerah Brunei-Muara yang mendapat tempat pertama dalam bahagian perempuan. Dayang Raisah juga telah menjadi johan dalam tahun lalu.

Mahligai yang di-hiasi indah bagi menempatkan peserta2 peraduan.





Sa-orang peniaga Melayu, Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Hussain telah meng-hadiahkan sa-ekor kerbau yang berkaki lima kepada Muzium Brunei.

Kerbau tersebut yang beratnya kira2 dua pikul itu telah di-beli oleh Awang Haji Abdul Rahman dari Sabah dengan harga \$1,200.00 empat tahun yang lalu.

Sa-orang juruchakap Jabatan Muzium berkata, buat pada masa ini kerbau itu hanya akan di-pelihara.

Gambar atas menunjukkan Penyelenggara Muzium, P. M. Sharifuddin dan Awang Haji Abdul Rahman sa-telah pe-nyampaian kerbau tersebut.

Jurugambar2 Hong Kong memenangi hadiah2 utama

BANDAR SERI BEGAWAN. — Jurugambar2 dari Hong Kong telah memenangi hadiah2 utama dalam pameran gambar2 photo Brunei Southeast Asia Salon of Photography kali kedua.

Awang Lo Chun Man dengan gambar-nya yang bertajuk "Kesayangan Ayah dan Anak" telah memenangi pingat emas dan beliau juga memenangi sijil berjasa kerana gambar photo-nya yang bertajuk "Menegakkan Tiang."

Lain2 pemenang, pingat perak Dr. Francis K. F. Siu, Miss Sheung Wai Chun kedua2-nya dari Hong Kong; Awang P. H.

SHOR SUPAYA DI-BENA PEJABAT LEMBAGA BANDARAN BERASINGAN

BANDAR SERI BEGAWAN. — Majlis Mashuarat Daerah Brunei-Muara telah meluluskan satu usol menyembahkan rasa keshukoran dan mengalukan2 sabda ucapan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan, semasa merasmikan pameran senj lukis dan buku2 pada 29 September lalu, yang menegaskan Limbang ada-lah hak Brunei.

Usol yang di - bentangkan oleh Pengiran Mohamed Samli bin Pengiran Lahab wakil kawasan Pekan Lama di-sidang bulanan majlis mashuarat tersebut di-bilek Dewan Majlis Bandar Seri Begawan itu juga menyatakan, bahawa semua ahli2 bagi pehak penduduk2 di-daerah itu ada-lah senentiasa berdiri di-belakang kerajaan

Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Dan Yang Di-Pertuan.

Satu lagi usol yang di-luluskan oleh majlis telah di-bentangkan oleh Awang Mohamad Zain bin Metali, wakil kawasan Pintu Malim yang menyampaikan ucapan tahniah atas kebijaksanaan kerajaan bagi penukaran nama Bandar Brunei menjadi Bandar Seri Begawan.

Ketika menyukong usol itu, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Ratna Di-Raja Dato Utama Awang Haji Mohamed Zain bin Haji Serudin, ahli yang di-lantek, telah membuat chadangan supaya Lembaga Bandaran Seri Begawan hendak-lah membangunkan pejabat-nya sendiri yang berasingan dan pengerusi-nya di-lantek khas untok kerja2 Lembaga tersebut.

Beliau juga menchadangkan pembenaan sa-buah padang beraspal bagi tujuan2 keramaian di-Ibu Kota di-samping tempat letak kereta dan tamu, apabila ia-nya tidak di-gunakan.

Beliau mengshorkan ia-nya di-bena berhadapan dengan Mesjid Omar Ali Saifuddin yang sekarang barek pulis.

Di-Kuala Belait Majlis Mashuarat Daerah Belait telah meluluskan dua usol dalam sidang bulanan-nya yang berlangsung di-bilek persidangan pejabat2 kerajaan di-Kuala Belait pada minggu lalu.

Usol pertama yang di-ke-mukakan oleh Awang Ismail bin Duraman wakil kawasan Lorong 4/5 Seria, telah meminta pemborong2 dan sharikat L.N.G. Lumut supaya memberi keutamaan kepada anak2 tempatan ketika memilih pemohon2 bagi kerja2 kosong yang sesuai dengan pengetahuan dan pengalaman mereka dalam jurusan2 yang tertentu.

Awang Ismail berkata, sharikat L.N.G. Lumut tidak mengambil buroh2 tempatan tetapi mengambil buroh dari luar negeri yang kerja2-nya boleh di-buat oleh anak2 negeri.

Usol kedua yang di-bentangkan oleh Awang Othman bin Jalil wakil kawasan Kuala Balai/Labi menyeru kerajaan supaya menyediakan tapak kedai bagi ra'ayat di-kawasan Mukim Labi.

Chen dari Thailand dan Awang Nguyen Ngoc Hanh dari Vietnam Selatan memenangi dua pingat.

Pingat gangsa Dr. Francis K. F. Siu, Awang K. C. Chen, Awang Chan Yu Kui kesemuanya dari Hong Kong; Awang Boon Chuchottavorn, Awang Tan Ban Chong dari Thailand dan Awang Lee Lim dari Singapura.

Sijil2 berjasa di-hadiahkan kepada Awang Hui Fook Ming; Awang Lon Chun Man kedua2-nya dari Hong Kong; Awang Won Khee Chong, Awang Yip Cheong dari Singapura; Awang Tan Ban Chong dari negeri Thai; Awang To Gui Sing dari Filipina dan Nguyen Ngoc Hanh dari Vietnam Selatan yang memenangi tiga sijil.

Dalam peraduan khas bagi jurugambar2 Brunei Awang Tan Wing Ki mendapat dua hadiah ia-itu pingat emas dan perak. Pingat gangsa di-menangi oleh Miss Chan Shuk Lam.

Sa-banyak 510 keping gambar dari sebelas buah negeri telah diterima. Jurugambar2 Brunei menghantarkan 103 keping gambar.

Gambar2 photo yang berjaya termasuk yang di-terima dari Brunei akan di-pamerkan di-Bilek Pameran Dewan Bahasa dan Pustaka pada 25 Oktober.

Penghuni bertambah

SERIA. — Penghuni Rumah Orang2 Tua di-Seria telah bertambah kepada 58 orang berikutan kemasukan dua orang lagi dalam bulan lepas.

Rumah Orang2 Tua di-Seria itu di-selenggarakan oleh Majlis Perkhidmatan Masyarakat Daerah Belait dengan mendapat bantuan tahunan sa-banyak \$10,000 dari Kerajaan.

Sa-orang juruchakap majlis tersebut berkata, setakat ini wang sa-jumlah \$27,416.45 telah di-perolehi dari derma orang ramai.

Dari jumlah tersebut, \$20,046.10, daripada-nya telah di-kutip dari kedai sharikat2 perniagaan dan orang perseorangan dalam kempen mengutip derma semasa tahun baru China yang lalu.

Juruchakap itu berkata jumlah wang yang di-kutip dan bantuan kerajaan di-anggarkan mencukupi untuk menyelenggarakan rumah tersebut dalam tahun ini.



Gambar atas menunjukkan Pemangku Pengetua Sekolah Menengah Melayu Muda Hashim, Awang Mohammad Taha bin Abdul Rauf sedang menyampaikan piala kepada ketua enam sapasokan yang telah di-adakan di-padang Sekolah Melayu Muda Sukarela Tutong, Awang Zainal Gana.

Pasokan GPPS telah berjaya menjadi johan dalam perlawanan hoki enam sapasokan yang telah di-adakan di-padang Sekolah Melayu Muda Hashim, Tutong pada hari Juma'at lepas.

Naib-johan ia-lah pasokan Persatuan Pemuda Pemudi Tanjong Maya.

Perlawanan yang di-jalankan sahara kalah mati itu di-anjarkan oleh Persatuan Melayu Luagan Dudok bersempena penukaran nama Bandar Brunei kepada Bandar Seri Begawan.

Sa-banyak 20 pasokan dari persatuan2 belia dan sekolah2 di-Daerah Tutong telah mengambil bahagian dalam perlawanan itu.

Anak2 ikan boleh di-dapati sekarang

BANDAR SERI BEGAWAN. — Jabatan Perikanan mengumumkan bahawa Kolam Pemeliharaan Ikan di-Sungai Jambu sekarang mengeluarkan hasil anak2 ikan jenis Tilapia yang bermutu baik.

Pegawai Perikanan, Dr. E. Birkenmieir dalam sa - buah kenyataan-nya berkata, peladang2 yang mempunyai kolam2 ikan boleh-lah mendapatkan anak2 ikan itu di-kolam tersebut, setelah terlebih dahulu berhubung dengan Merinyu Perikanan di-pejabat Jabatan Perikanan di-bangunan kastam Bandar Brunei.

Anak2 ikan itu kesemua-nya ada-lah jenis jantan ia-itu hasil dari dua jenis Tilapia yang berlainan. Jenis anak ikan ini ada-lah sesuai untuk di-pelihara di-dalam kolam2 ikan dan dalam masa 6 hingga 9 bulan ia-nya akan boleh jadi lebih besar.

Penyelenggara Setor Tingkat III

Pemohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalu2 yang menjadi raayat atau yang berhak di-daftarkan bagi raayat D.Y.M.M. Al-Sultan untuk memenohi jawatan2 kosong yang tersebut di-bawah ini daripada orang2 yang mempunyai kelayakan2 dan pengalaman.

Penyelenggara Setor Tingkat III (2 kekosongan)

Kelayakan2 dan Pengalaman:

Chalu2 untuk lantikan ini mesti-lah telah mencapai umur 17 tahun dan lulus sekurang2-nya Tingkatan II Inggeris atau yang sebanding dengan-nya. Keutamaan akan di-beri kepada pemohon2 yang mempunyai pengalaman dalam kerja setor.

Gaji:

Dalam sukatan gaji E.1-2 EB3 — \$200 x 10 —/EB/280 x 10 — 330. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

Pemohonan2 yang mesti di-pohonkan di-atas borang2 yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei, mesti-lah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 4 November 1970.



JAWATAN—JAWATAN KOSONG:

Sa-bagai Penyelia Pusat Belia

Pemohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalu2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untuk memenohi jawatan Penyelia Pusat Belia di-Jabatan Kebajikan Masyarakat, Brunei.

Kelayakan2:

a) Mesti-lah lulus Form IV Inggeris dan Darjah IV Sekolah Melayu.

b) Pemohon2 mesti-lah mempunyai pengalaman luas dalam pentadbiran sebaik2-nya dengan pertubuhan belia dan masyarakat. Chalu2 hendak-lah mempunyai kebolehan dalam mentadbir rancangan2 sa-tiap hari di-pusat tersebut serta merancang kursus2, kongress2 dan lain2 kegiatan2 pusat belia itu.

c) Pemohon2 mesti-lah berumur tidak kurang dari 25 hingga 40 tahun.

d) Pemohon2 yang tidak mempunyai kelayakan2 di-atas tidak akan di-pertimbangkan.

Gaji:

Dalam sukatan gaji C.3 EB4 — \$930 x 30 — 1050/EB/1080 x 30 — 1200. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

Pemohonan2 daripada Pegawai2 Kerajaan yang sedang berkhidmat hendak-lah di-hantar melalui Ketua2 Jabatan siapa di-kehendaki menghantarkan laporan2 sulit

mengenai pemohon2 bersama2 dengan satu Chatetan Perkhidmatan yang lengkap.

Pemohonan2 yang mesti di-pohonkan di-atas borang2 yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, hendaklah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei tidak lewat daripada 5hb. Nobember, 1970.

Kerani Bahagian 'B'

Tingkatan Khas II

Pemohonan2 ada-lah di-pelawa daripada Pegawai2 Kerajaan yang berjawatan tetap untuk di-lantik sa-bagai Kerani Bahagian 'B' Tingkatan Khas II. Pemohon2 bagi jawatan tersebut mesti-lah mempunyai sekurang2-nya 5 tahun perkhidmatan sa-bagai Kerani Bahagian 'B' Tingkatan Khas I.

Pemohonan2 mesti-lah di-hantar melalui Ketua2 Pejabat siapa di-kehendaki menghantarkan Laporan2 Sulit tentang tugas2 si-pemohon dan tentang kelayakan2 mereka untuk di-naikkan pangkat.

Pemohonan2 mesti-lah sampai kepada Pegawai Perjawatan tidak lewat daripada 26hb. Oktober, 1970, dan pemohonan2 yang tiba lewat daripada tarikh tersebut tidak akan di-pertimbangkan.

Sembilan orang ahli2 Persatuan Karate Negeri Brunei telah melepas ka-Jepun pada minggu lepas untuk menyertai perlawanan kejohanan karate sa-dunia di-Tokyo.

Rombongan yang terdiri dari enam orang pemain dan tiga orang pegawai itu telah di-ketuai oleh Awang Abdul Jalil bin Abdul Rahman.

Setia Usaha Kerajaan, Yang Amat Mulia Pengiran Dipa Negara Pengiran Momin bin Pengiran Haji Ismail telah menyampaikan bendera Negeri Brunei kepada ketua rombongan sa-jurus sa-belum mereka meninggalkan lapangan terbang pada minggu lalu.

Gambar atas menunjukkan dari kiri: Ag. Abd. Jalil, Ag. Kassim bin Muzafar, Ag. Zainal Abidin bin Ladi Ag. T. Takagi (jurulatih), Ag. Chong Yu Fah, Ag. Eli Bentiago Ag. Louis Lim, Ag. Teo Ah Hoon dan Ag. Jimmy Voon.

Penyemboran ubat DDT

TEMBURONG. — Projek Penghapus Malaria sedang menjalankan penyemboran dengan ubat DDT di-sebelas buah kampung di-Daerah Temburong.

Kampung2 itu ia-lah Kastam Lama, Menengah dan Parit Bangar, Sungai Tanit, Sungai Tanam, Sungai Tanam "A", Pekan Bangar, Seri Tanjung Belayang, Batang Tuau, Puni dan Hujung Jalan, Belais dan Buda-Buda dan Rataie.

Kempen yang bermula 6 Oktober itu di-jadualkan tamat pada 26 Oktober.

SI-TUYU oleh: m. sallah ibrahim



EMPAT PERKARA DI-SHORKAN MENJADI THEMA

BANDAR SERI BEGAWAN. — Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Ratna Di-Raja, Dato Utama Awang Haji Md. Zain bin Haji Serudin telah mengemukakan empat perkara yang boleh di-amalkan untuk di-jadikan tema identiti Brunei.

Ke-empat2 perkara itu ia-lah; kesultanan, keugamaan, kesatuan bahasa; dan kebudayaan.

"Kita orang2 Brunei yang bersultan, mengakui Ugama Islam sa-bagai Ugama Rasmi dan menjunjung Bahasa Melayu sa-bagai Bahasa Rasmi serta mempunyai kebudayaan yang berunsur ke-Bruneian hendak-lah memahami dan percaya akan identiti tersebut".

Beliau menekankan bahawa identiti ke-Bruneian hanya akan tegak dengan sokongan ilmu pengetahuan dan terpelihara-nya keamanan dan keselamatan.

Dalam sharahan khas di-peraduan membaca kitab suci Al-Koran peringkat negeri bagi malam kedua yang berlangsung di-Lagoon Mesjid Omar Ali Saifuddin pada 9 Oktober lepas, Pehin Orang Kaya Ratna Di-Raja berkata:

"Kita mempunyai sejarah, kita mempunyai kesan2 sejarah yang agong, sejarah dan kesan2-nya itu ada-lah menjadi tauladan dan pengajaran kepada kita orang2 Brunei bagi membentok negara kita, bagi membangun bangsa kita Brunei yang mempunyai peribadi-nya yang tersendiri dan mempunyai identiti yang bernilai".

Bagi menguatkan lagi pendapat-nya itu, beliau telah menghuraikan latar-belakang ke-empat2 perkara itu sa-bagai menguatkan lagi tujuan bagi menjadikan tema identiti Brunei, atau prinsip2 ke-Bruneian.

Mengenai dengan penafsiran kesultanan, Kadhi Besar Brunei itu menjelaskan Brunei ia-lah sa-buah negara yang bersultan.

"Sultan ada-lah sa-bagai wakil raayat yang mutlak dan turut tonggak negara, menjadi lambang negara yang tertinggi untuk menguasai dan menjalankan pemerintahan negeri yang tertinggi, terdiri daripada empat bahagian; kanun, shara', resam dan adat istiadat".

Dengan yang demikian, katanya, ujud-nya Brunei ada-lah terdiri dari persatuan dan perpaduan raayat yang telah menyerahkan kuasa diri masing2 kepada Sultan berdasarkan "Raja tidak boleh dhalim, dan raayat tidak boleh derhaka", ia-itu Raja untuk raayat dan raayat untuk Raja.

Mengenai dengan keugamaan, Kadhi Besar itu telah menyebutkan dengan panjang lebar tentang kekuatan Ugama Islam di-Brunei sejak kurun yang ke-14 yang dipelopori oleh Sultan Brunei yang ke-tiga ia-itu Sharif Ali atau yang di-kenal dengan gelaran Sultan Berkut.

"Perkembangan Ugama Islam berjalan terus di-Brunei hingga-lah ka-zaman Sultan Omar Ali Saifuddin yang ke-tiga. Dalam zaman Baginda perkembangan Ugama Islam bagitu pesat sesuai dengan peribadi dan hasrat baginda yang berpegang tegoh kepada ajaran2 ugama, di-sokong pula oleh keadaan Brunei yang aman ma'amor", jelas beliau.

Beliau saterus-nya menekankan bahawa kejayaan yang paling besar ia-lah termaktub-nya Ugama Islam sa-bagai Ugama Rasmi negeri ini dalam Perlembagaan Negeri Brunei tahun 1959 dengan disusul oleh usaha2 yang berkesan bagi memperaktikkan kerasmian ugama tersebut.

Berchakap mengenai bahasa pula, beliau menekankan bahawa Bahasa Melayu ada-lah suatu bahasa yang tertua dan pernah berpen-

IDENTITI NEGARA

garoh di-Tenggara Asia ini.

Brunei telah menjadikan Bahasa Melayu sa-bagai Bahasa Rasmi yang telah di-kanunkan dalam perlembagaan 1959.

"Dalam memperkatakan prinsip2 ke-Bruneian atau identiti Brunei yang negeri kita Brunei menjadikan Bahasa Melayu sa-bagai Bahasa Rasmi, maka kita raayat dan penduduk negeri ini hendak-lah menjunjung tinggi akan kerasmian itu dengan perkataan dan amalan yang bukan berpura2", tegas beliau.

Menyebut mengenai kebudayaan, Pehin Orang Kaya Ranta Di-Raja menisfikan kebudayaan Melayu merupakan suatu kebudayaan yang bermutu dan bernilai dan Brunei sa-bagai sa-buah negeri Melayu yang tua tidak-lah terlepas daripada sejarah kebudayaan di-alam Melayu ini.

Brunei akan terus

(Dari Muka 1)

Yang Amat Mulia itu menjelaskan bahawa selagi hak kepunyaan sa-saorang itu belum di-kembalikan kepada yang ampunya, maka selagi itu tuntutan-nya untuk mendapatkan hak-nya masih boleh di-lakukan.

Oleh yang demikian, maka tuntutan Brunei terhadap Limbang itu bukan-lah sudah tamat masa-nya apabila Malaysia sudah tertubuh.

Yang Amat Mulia itu perchaya bahawa bukan-lah menjadi suatu halangan kepada Malaysia untuk menyerahkan Limbang itu kepada yang ampunya-nya, jika Limbang itu bukan hak mutlak-nya.

"Ini ada-lah tertaalok kepada tegoh-nya iman sa-saorang itu terhadap hukum Tuhan", tegas beliau.

Yang Amat Mulia itu selanjut-nya bersabda:

"Jika sekira-nya hak orang itu di-pegang oleh sa-saorang lain yang bukan berhak untuk memilikinya, sudah di-ketahuinya sesuatu itu bukan hak-nya, maka wajib-lah bagi-nya membalekan hak orang itu kepada orang yang sabener-nya ampunya hak itu, sama ada hak orang itu di-berikan oleh orang lain yang tidak berhak terhadap hak itu tanpa di-sedarinya atau tidak".

Menurut Yang Amat Mulia Pengiran Penggawa Laila Bentara Istiadat Di-Raja Dalam Istana bahawa Malaysia ia - lah negara yang menjadikan Islam sa-bagai ugama rasmi-nya dengan sabilangan besar raayat-nya terdiri dari orang yang berugama Islam serta takwa dan lebeh2 lagi pemimpin2-nya terdiri dari orang2 Islam yang sejati yang benar2 memperchaya kepada hukum2 yang di-turunkan oleh Tuhan.

Dari sudut ini, Yang Amat Mulia itu perchaya bahawa orang Islam yang sa-demikian itu tidak akan mengingkari diri mereka menghalalkan hak orang lain di-jadikan hak diri-nya sendiri tanpa izin orang yang ampunya-nya, apalagi bagi pemimpin yang pernah mengambil peranan penting dalam sidang2 Islam internasional.

Mengenai dengan masa tuntutan itu di-buat, Yang Amat Mulia itu menisfikan-nya sa-bagai tidak

Menurut beliau bahawa kebudayaan Melayu telah melalui ujian berat lebeh kurang sa-lama 3,000 tahun berikutan dengan percampuran dan pergaulan orang2 Melayu dengan berbagai2 bangsa Asia dan bangsa Barat itu.

"Dengan ujian yang bagitu lama dalam perkembangan-nya dengan kebudayaan bangsa2 yang berpengaruh itu, di-dapati kebudayaan Melayu itu tidak tenggelam atau hilang dari negeri ini, bahkan boleh pula di-sesuaikan dengan kehidupan chara baru sekarang ini", jelas beliau.

Mengenai dengan pengaruh kebudayaan asing sekarang ini, beliau mengshorkan supaya di-bentok satu sikap agar unsur2 kebudayaan asing yang tidak bertentangan dengan Ugama Islam bagi mengisi kekosongan atau memaju dan mengelokkan kebudayaan kita hendak-lah di-terima dan di-chiri serta hendak-lah disebatkan dalam kebudayaan kita sesuai dengan keadaan zaman.

menuntut Limbang

menjadi soal.

Selagi hak mutlak sa-saorang itu tidak di-kembalikan kepada yang ampunya, selagi hak itu masih tetap di-punyai oleh orang yang ampunya itu, Tegas-nya, selagi Limbang itu belum di-kembalikan ke-Brunei selagi itu Limbang itu masih menjadi hak Brunei".

Yang Amat Mulia itu selanjut-nya bersabda bahawa sedangkan Singapura yang sudah pernah memasuki Malaysia pun boleh keluar, apa lagi Limbang yang tidak pernah di-serahkan dengan sesuatu perjanjian atau perundingan yang halal.

Dari sudut sejarah pula, Yang Amat Mulia Pengiran Penggawa Laila Bentara Istiadat Di-Raja Dalam Istana menceritakan bahawa Limbang ada-lah kawasan rampasan oleh Rajah Sarawak.

Oleh yang demikian, Yang Amat Mulia itu menjelaskan, sa-tiap sa-satu yang di-rampas arti-nya tidak halal di-terima jika di-berikan oleh sesiapa pun yang bukan berhak ka-atas-nya.

"Ini-lah soal pokok tuntutan itu", tegas Yang Amat Mulia Pengiran Penggawa Laila Bentara Istiadat Di-Raja Dalam Istana.

"Bagi orang yang tidak mengetahui kedudukan sejarah Limbang yang sabener-nya boleh-lah mereka berchakap atau mengeluarkan pendapat menurut kehendak sesuka hati-nya sendiri, tetapi pendapat-nya itu tanpa kebenaran", tegas Yang Amat Mulia itu lagi.

Yang Amat Mulia itu memberi ingatan bahawa kalau sa-saorang itu berchakap menurut hati-nya sendiri di-sebabkan ia menyangka diri-nya lebeh kuat atau lebeh besar, saya memberi tahu kepada-nya bahawa Allah maha besar.

Akhir-nya, Yang Amat Mulia itu menegaskan bahawa sama ada Limbang di-serahkan oleh Rajah Sarawak atau British yang mana Limbang ada-lah hak Brunei dan Brunei berhak di-atas Limbang dari segi Ugama. Baikpun beralaskan pungenan suara, Limbang masih menjadi hak Brunei.

PANDANGAN MENGENAI KEMERDEKAAN

(Dari Muka 1)

dengan izin Allah Khalikul Mannan kabul usaha Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei pada mengukuhkan perjanjian Tahun 1959 dengan Baginda Queen di-United Kingdom bagi Great Britain mengenai pertahanan bersama untuk mempertahankan keselamatan luar dan dalam Negeri Brunei bagi membolehkan keraja-

JHEU berusaha terus untuk tinggikan mutu bacaan Al-Quran

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pengetua Hal-Ehwal Ugama, Yang Amat Mulia Pengiran Indera Mahkota, Pengiran Muda Kemaluddin Al-Haj telah menekankan bahawa kemajuan Negeri Brunei tidak-lah dapat di-pisahkan daripada ajaran2 Al-Quran.

Oleh yang demikian, menurut Yang Amat Mulia itu, maka Kerajaan Duli Yang Maha Mulia terus menerus menjalankan dasar2 tidak berlindung2 bagi mengarah dan menggalakkan bacaan Al-Quran.

Di-antara galakan2 yang utama termasuk-lah meneruskan pengurniaan tambang perchuma kepada johan qari dan qariah sa-negeri Brunei pada tiap2 tahun untuk menuaikan fardhu haji.

Yang Amat Mulia bersabda demikian dalam istiadat pembukaan rasmi peraduan membaca Al-Quran sa-negeri Brunei yang berlangsung pada malam hari Khamis lepas di-Lagoon Mesjid Omar Ali Saifuddin.

Peraduan itu telah di-rasmikan pembukaan-nya oleh Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Muda Mohammad Bolkiah.

Saterus-nya, Yang Amat Mulia Pengiran Indera Mahkota bersabda bahawa Jabatan Hal-Ehwal Ugama akan terus berusaha dalam apa jua bentuk sekalipun yang di-fikirkan manasabah bagi meningkatkan taraf bacaan Al-Quran di-negeri ini.

Yang Amat Mulia itu juga telah menyatakan kedudukan kemajuan pembacaan Al-Quran baik di-kalangan murid2 sekolah mahupun orang2 dewasa sa-hingga ka-kampung2 yang di-sifatkan beliau sa-bagai mendapat kejayaan yang besar.

Menurut Yang Amat Mulia itu, setakat ini Brunei mempunyai tujuh orang guru Quran dari luar negeri dan kira2 20 orang guru Quran yang terdiri dari anak2 tempatan. Kesemua mereka itu menjalankan tugas masing2 di-seluruh negeri.

an baginda dapat mengusahakan rahmat2 yang di-churahkan oleh Tuhan seru sekalian alam yang mengawasi negeri akhirat supaya raayat penduduk laila isi di-dalam Negeri Brunei merasai nikmat kemewahan yang mana dari masa ini Kerajaan Brunei tidak mengenakan tax pada raayat, penduduk dan laila isi di-dalam-nya yang molek, mewah ya'ani Brunei Darussa'am."